

# Karnival Bahasa dan Kolokium Pascagraduan, 21-22 November

**KUCHING:** Pusat Pengajian Bahasa (CLS) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan buat pertama kalinya Karnival Bahasa dan Kolokium Pascagraduan bermula 21 dan 22 November.

Menurut kenyataan akhbar, CLS juga akan melancarkan buku panduan akademik dan jurnal atas talian bertajuk ‘Isu Dalam Pengajian Bahasa’ sempena karnival itu.

Diadakan sebagai sebahagian sambutan Ulang Tahun Ke-20 UNIMAS, karnival dua hari itu diadakan untuk memaparkan kursus bahasa yang ditawarkan di CLS termasuk Mandarin, Perancis, Jepun, Arab, Melayu dan Bahasa Inggeris.

Setiap kursus mempunyai aktiviti dan gerai pameran sendiri, antara aktiviti yang dirangka termasuk pertandingan membaca teater, persembahan pelajar antarabangsa, bengkel khat dan kaligrafi, ceramah kerjaya serta pelbagai permainan bahasa.

Dengan UNIMAS memiliki kira-kira 11,000 pelajar, acara berkenaan dijangka mampu menarik ramai peserta.

Ia terbuka kepada orang ramai termasuk pelajar sekolah, guru dan institusi pengajian tinggi lain.